



CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA KUMPULAN PELAKSANA (CBBPDBKP)

Terma Dan Takrifan

Penajaan kepada Kumpulan Pelaksana bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia (TVET), Diploma dan Ijazah Pertama secara sepenuh masa.

i. Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (12 hingga 24 bulan) dan Diploma Kemahiran Malaysia (24 hingga 36 bulan) yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) : dan



ii. Bidang keperluan guna tenaga perkhidmatan awam bagi kemasukan peringkat Diploma (36 bulan) dan Ijazah Pertama (48 bulan); kecuali bidang professional/kritikal seperti Perubatan, Pergiagian, Farmasi, Veterinar dan Undang-Undang seperti. Bidang Pendidikan terhadap kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.



Syarat - Syarat

1. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (Kumpulan Pelaksana) yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
2. Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan;
3. Mencapai markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun di skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
4. Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah mengikuti kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
5. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/ sederhana/ pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut: -

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (Pada 1 Januari 2018)
Lebih 12 bulan	2 tahun
Lebih dari 3 bulan, kurang dari 12 bulan	1 tahun
Kurang dari 3 bulan	Tiada

Senarai kemudahan cuti belajar/ penajaan:

- i. Cuti Belajar Bergaji Penuh;
- ii. Cuti Belajar Separuh Gaji;
- iii. Cuti Belajar Tanpa Gaji;

6. Permohonan diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
7. Bebas dari sebarang pertuduhan/tindakan tatatertib/dakwaan mahkamah;
8. Bukan peminjam tegar pinjaman pelajaran atau bukan dalam senarai hitam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain
9. Telah mengisytiharkan harta; dan
10. Calon perlu bebas dari sebarang penyakit kronik.

Pertanyaan lanjut, hubungi:

Unit Penawaran Dalam Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam

penawaranldp@jpa.gov.my

03:8885 3546